

Perkembangan Pemikiran Ekonomi Islam (Siri 2)

Seperti mana yang telah ditulis dalam artikel yang lepas, para ulama' dan pemikir Ekonomi Islam telah menulis dan memberi analisa dalam pelbagai topik dalam isu ekonomi dari kaca mata Islam. Dr Mohammad Nejatullah Siddiqi, seorang pakar ekonomi Islam, dalam bibliografi yang dihasilkannya pada 1981 telah menghimpunkan seluruh tajuk kajian dan buku yang berkaitan dengan Ekonomi Islam di mana jumlah keseluruhannya mencecah lebih dari 700 buah tajuk. Bibliografi ini dihimpun daripada karya-karya yang ditulis dalam 3 bahasa iaitu Arab, Inggeris dan Urdu. Bayangkan pula jumlah karya-karya yang telah ditulis selepas terbitan bibliografi ini hingga kini.

Antara tema khas yang ditulis dalam ekonomi Islam adalah tentang hukum penggunaan tanah. Bagi tema ini, *At-Tuhfah Al-Mardhiyah fi Al-Aradhi Al-Misriyyah* (sebuah kitab menerangkan tentang hukum Tanah di Mesir) oleh Ibnu Nujaim (wafat 970 H) bagi menerangkan tentang hukum penggunaan tanah Mesir. Selain tema ini, para ulama juga menulis secara terperinci mengenai kaedah pengurusan air dan sumber alam sebagai tema khusus. Antara karya dalam tema ini termasuklah kitab *Al-Miyah* (Air) yang dikarang oleh Abu Zaid Al-Ansari (wafat 215 H) dan *Kitab Al-Ardh Wa Al-Miyah Wa Al-Jibal Wa Al-Bihar* (Kitab tentang Tanah, Air, Pergunungan dan Laut) yang dikarang oleh Sa'dan Al-Mubarak (wafat 220 H).

Tema-tema lain yang lain adalah seperti topik kepenggunaan dan penetapan harga. Bagi tema kepenggunaan, antara karya yang terkenal adalah kitab *Al-Ma'kal* (Pemakanan) dikarang oleh Al-Barqi (wafat 376 H) dan *Al-Gharadh Al-Matlub fi Tadbir Al-Ma'kul Wa Al-Mashrub* (Had yang Dituntut Bagi Mengurus Makanan dan Minuman) telah ditulis oleh Ibn Raqiqah (wafat 635H). Bagi kitab yang membicarakan tentang penetapan harga, An-Nubakhti (wafat 310 H) mengarang kitab *Al-Arzaq Wa Al-Ajal Wa Al-As'ar* (Rezeki, Tempoh waktu dan Harga). Adapun topik berkaitan pasaran dan peranan/kesan orang tengah dalam ekonomi, Imam Yahya Ibn Umar (wafat 289 H) telah mengarang kitab *Ahkam As-Suq*. Begitu juga Al-Abyani (wafat 600 H) telah mengarang *Risalah fi As-Simsarah wa As-Simsar Wa Ahkamuha* (Risalah berkaitan Orang Tengah dan Hukumnya).

Selain sumbangan cemerlang para ilmuwan Islam, para ilmuwan semasa turut menghasilkan pelbagai karya yang bernilai tinggi dalam mengukuhkan pemikiran ekonomi Islam semasa. Sebagai contoh Qadhi Mufti Muhammad Taqi Uthmani yang merupakan salah seorang 'alim semasa yang ulung dalam bidang ekonomi Islam. Beliau yang merupakan seorang Ulama' yang menguasai pelbagai bidang terkenal dengan karyanya seperti *Usul Al-Ifth' Wa Adabuhu* (Kaedah Berfatwa dan Adab-adabnya) dan *Takmilah Fathul Mulhim* (Pelengkap Syarah Fathul Mulhim bagi mensyarah Sahih Muslim sebanyak 6 jilid) banyak menulis karya-karya yang menjawab persoalan semasa bagi ummah. Dalam bidang ekonomi, antara karya beliau adalah *Milkiyatul Ardh Wa Tahdiduha* (Pemilikan Tanah dan

Penentuannya) dan *Nizamuna Al-Iqtisadi* (Sistem Ekonomi Kita). Selain daripada beliau, antara tokoh yang banyak menyumbang kepada perpustakaan ekonomi Islam adalah Syeikh Ali Muhyiddin Qurah Addaghi yang merupakan Setiausaha Agung bagi Kesatuan Ulama' Muslimin Sedunia. Beliau ada menulis sebuah insklopedia yang sesuai dijadikan rujukan bagi penuntut ilmu ekonomi iaitu *Haqibah Talibil Ilmi Al-Iqtisadiyyah* (Himpunan Rujukan bagi Penuntut Ekonomi Islam).

Di kalangan ulama' Nusantara, Pak Hamka (Haji Abdul Malik Karim Amrullah) dalam karyanya 'Islam: Revolusi Ideologi dan Keadilan Sosial' turut menghuraikan idea-idea pemikiran ekonomi Islam. Di dalam buku tersebut beliau berkata "*Jelaslah sudah bahawasaya siasat (Siyasah) dan susun aturan harta benda pada suatu bangsa adalah sendi utama dari kehidupan bangsa itu. Kalau kelihatan beroleh serba serbi kemajuan dalam segala lapangan, pendidikan dan pengajaran, ilmu dan kesenian, peradaban dan kebudayaan, pengangkutan dan perhubungan, dari ciptaan-ciptaan baru dan pendapat ganjil, apatah lagi tingkat hidup anggota masyarakatnya, tidak lain sebabnya hanya satu, iaitu siasat (pengurusan) harta: Ekonomi!*". Beliau juga berkata di tempat yang lain "*Tiga saudara yang tidak mahu berpisah, datang kepada manusiasatu persatu. Apabila datang yang pertama, yang kedua mesti datang pula dan menurut yang ketiga iaitu: Miskin, bodoh dan sakit! Penutupnya ialah mati. Mati dengan tidak dikenal.*" Begitulah ketegasan Pak Hamka dalam isu keadilan ekonomi bagi ummah ini. Sebelum beliau seorang tokoh pembaharuan, Omar Said Cokroaminoto (wafat 1934 M) juga menulis tentang tema Islam dan Sosialisme yang turut menyentuh idea-idea ekonomi Islam.

Begitulah sebahagian karya dan topik ekonomi yang dianalisis oleh para cendekiawan Islam daripada dahulu hingga sekarang. Segala ini menunjukkan bahawa tema ekonomi amat dititik berat diberi perhatian yang besar oleh pada Ulama' Islam. Semoga gagasan ilmu ekonomi Islam terus berkembang dengan sumbangan seterusnya daripada ilmuan dan pemikir Islam semasa.